

# Saya dan Zahid tiada masalah - PM

Ismail Sabri tegaskan tiada perpecahan berlaku dalam UMNO

BERA

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan tiada perpecahan dan persengketaan berlaku dalam UMNO dan parti komponen termasuk antara dirinya dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, naratif yang dimainkan pembangkang bahawa calon Perdana Menteri daripada BN selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) ialah Ahmad Zahid adalah fitnah yang sengaja dibuat untuk mengelirukan rakyat dan mewujudkan perpecahan dalam BN.

Sehubungan itu, beliau berharap kenyataan yang dibuat kepimpinan tertinggi parti dalam BN termasuk Ahmad Zahid; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong; Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran dan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan dapat menghentikan fitnah tersebut.

"Persepsi yang cuba dicipta pembangkang adalah palsu dan fitnah semata-mata dan tidak lain tidak bukan bertujuan hendak memecah-belah dan mewujudkan persengketaan dalam UMNO. Tetapi Alhamdulillah, solidariti UMNO masih solid dan kita tidak terpengaruh dengan persepsi dibawa pembangkang.

"Tiada perpecahan antara kepimpinan UMNO, dan antara saya dengan Ahmad Zahid juga tidak ada masalah," katanya



Ismail Sabri mendukung adik Nur Fyra Adeen Mohd Asrul Ikmal ketika hadir ke Kenduri Rakyat bersama penduduk Kampung Bohor Baru pada Selasa.

dalam sidang akhbar selepas program Kenduri Rakyat di Kampung Bohor Baru, Kuala Bera di sini pada Selasa.

Pada Isnin, Ahmad Zahid menegaskan dan mengulangi pendirian BN bahawa Ismail Sabri kekal sebagai calon tunggal Perdana Menteri selepas PRU15.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, manifesto BN yang dilancarkan pada Isnin mampu dilaksanakan dan bukan bersifat menjanjikan 'bulan dan bintang' bagi meraih undi.

Ujarnya, ini kerana manifesto itu digarap berdasarkan inti pati Bajet 2023 dengan tambahan beberapa tawaran baru yang boleh dijadikan penambahbaikan belanjawan itu dan perlu dibentangkan semula berikutan pembubaran Parlimen tiga hari selepas pembentangnya pada 7 Oktober lepas.

"Kita berpijak di bumi nyata. Apa yang

kita bentangkan dalam manifesto adalah berdasarkan bajet (Bajet 2023). Bajet adalah perkara yang boleh kita laksanakan kerana sudah *budgeted for* atau sudah diambil kira dari segi kewangan dan apa yang dijanjikan adalah sesuatu yang boleh dilaksanakan.

"Kita tidak janji bulan dan bintang. Ini bukan janji melampau hendak membeli undi rakyat tetapi manifesto yang boleh dilaksanakan. Beberapa perkara baru (dalam manifesto) akan menjadi panduan untuk kita menambah baik bajet (Bajet 2023) yang akan dibentangkan semula," jelasnya.

Ismail Sabri berkata, manifesto itu juga tidak meminggirkan mana-mana pihak termasuk golongan M40 kerana Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebelum ini adalah bersifat menyeluruh. -

*Bernama*